

'Gejala tidak sihat itu boleh
hilangkan semangat merdeka'

Mahathir: Melayu lemah jika berpuak

BH 11 APR 1983

BANGI, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa perjuangan orang Melayu akan lemah jika perpecahan mengikut puak atau kumpulan dalam pertubuhan politik dan ekonomi Melayu diizinkan berterusan.

Oleh JAMALUDDIN
BAKAR

leh dan Pengarah ITM, Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid.

Perdana Menteri berkata, cara pemikiran yang mewujudkan sekatan-sekatan tertentu mengikut kumpulan boleh menjadi benteng keangkuhan bagi melambatkan pencapaian dan prestasi masyarakat Melayu.

Beliau menarik perhatian betapa pentingnya pepatah yang terkenal waktu perjuangan kemerdekaan dahu-

Perdana Menteri menegaskan, "Membahagi-bahagikan kumpulan dalam satu pertubuhan seperti ulama dan bukan ulama, lepasan universiti itu lepasan universiti ini, kumpulan di bidang ini dan itu boleh melemahkan pencapaian masyarakat Melayu."

Menurutnya, gejala yang tidak sihat itu boleh menyebabkan orang-orang Melayu kehilangan semangat merdeka yang menekankan perpaduan sebagai asas kekuatan mereka pada satu ketika dahulu.

Berucap merasmikan pelancaran perayaan 35 tahun Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini, beliau berkata:

"Tidak mengapa jika wujud kalangan itu dan kalangan ini, sekiranya ia diasaskan kepada semangat untuk menyatukan sumbangan ke arah matlamat akhir perjuangan kita.

"Tetapi, jika kumpulan yang wujud hanya memupuk rasa keakuan dengan sikap 'aku lebih penting dan aku yang lebih berhak', ia hanya akan menyemaikan bibit-bibit perpecahan di kalangan orang Melayu," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sikap berpuak-puak atau berkumpulan yang terdapat dalam badan-badan sukarela atau badan politik dan ekonomi Melayu kadangkala melemahkan sesuatu badan itu secara menyeluruh.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Naib Canselor UKM, Tan Sri Dr. Awang Had Sal-

lu iaitu 'bersatu kita teguh bercerai kita roboh' dikokalkan demi membina satu bangsa Malaysia yang makmur, sejahtera dan bersatu padu yang memerlukan asas-asas kebangsaan yang kuat.

Menurutnya, teras asas-asas kebangsaan ialah unsur-unsur peribumi dan perkara ini akan diberi perhatian yang teliti dan dengan insaf oleh setiap orang Melayu. Bak kata Hang Tuah, "Takkan Melayu hilang di dunia."

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, bangsa Melayu mempunyai tugas yang amat penting dalam menjayakan dasar-dasar kerajaan seperti 'Kepimpinan Melalui Tauladan' supaya ia menjadi nilai hidup kita.

Dikongkong

Katanya, beliau menyebutkan ini kerana kepemimpinan Melayu menjadi teras kepada kepemimpinan negara ini dan kepemimpinan inilah yang menentukan sama ada kita dapat menggerakkan negara kita kepada tahap pencapaian yang setanding dengan negara-negara maju.

Badan-badan sukarela Melayu dan badan-badan politik dan ekonomi Melayu adalah tempat kepemimpinan negara dilahirkan. "Oleh itu, kita tidak harus lupa pada hakikat bahawa kematangan dan kemampuan badan-badan Melayu adalah jaminan kepada kejayaan orang Melayu dan kemakmuran Malaysia.

Perdana Menteri juga memberi amaran bahawa masyarakat Melayu akan terus menghadapi kerugian jika dikongkong oleh sikap-sikap negatif.